



# BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan  
**Mesra, Cepat & Tepat**  
KUALITI KEUTAMAAN KAMI

www.mbpj.gov.my Majlis Bandaraya Petaling Jaya @pjcitycouncil

BIL. 5/2023

• : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

: 03-7958 2695

: media@mbpj.gov.my

**PERCUMA**

BERITA  
TERKINI

| 1ST ASIA PACIFIC YOUTH FOLKLORE FESTIVAL

SESI TOWN HALL  
CADANGAN BAJET 2024

WORLD CLEAN UP DAY



# Sidang Redaksi

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) Majlis Bandaraya Petaling Jaya pjcouncil

**PENAUNG**  
Mohamad Azhan bin Md Amir

**PENASIHAT**  
Abdul Hakim bin Khairuddin

**KETUA PENGARANG**  
Muhamed Azmi bin Yusoff

**WARTAWAN**  
Ahmad Iskandar bin Muhamad Mukhtar  
Nor Shalizawati binti Hj Baharudin

**PEMBANTU PENERBITAN**  
Mohammad Shah bin Badlishah  
Jumrianah binti Arshad

**JURU GAMBAR**  
Rusdi bin Mohammed Halik  
Intan Khairana binti Md. Zali  
Salimey bin Abu Bakar

**PEREKA GRAFIK**  
Badrul Hisham bin A Bakar  
Ihfaznur Ashikin binti Hj. Mohammed Arifin

**MAKLUM BALAS DAN CADANGAN**  
**HANTARKAN KEPADA**

Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya

• 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 • 03-7958 2695 • media@mbpj.gov.my

## PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

**Aznan bin Hj. Hassan**  
Timbalan Setiausaha (Pengurusan) /  
Pengarah Khidmat Pengurusan  
Tel: 03-7955 0819

**Ir. Ismail bin Shafie**  
Timbalan Setiausaha (Pembangunan) /  
Pengarah Jabatan Kejuruteraan  
Tel: 03-7958 7993

**Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah**  
Pengarah,  
Jabatan Perbendaharaan  
Tel: 03-7955 2354

**TPr. Zain Azly bin Abdul Rahman**  
Pengarah,  
Jabatan Perancangan Pembangunan  
Tel: 03-7955 7934

**Dr. V. Chithradavi a/p Vadivelu**  
Pengarah,  
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan  
dan Persekitaran  
Tel: 03-7955 2381

**Azizah Azzila binti Abd Aziz**  
Pengarah,  
Jabatan Penilaian dan  
Pengurusan Harta  
Tel : 03-7955 2428

**Ismathinoon bin Hj. Abd Rahman**  
Pengarah,  
Jabatan Kawalan Bangunan  
Tel : 03-7956 3544 samb. 366

**Mohd Rosnani bin Hj. Hamid**  
Pengarah,  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Tel: 03-7960 3293

**Mohd Fauzi bin Maarop**  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan  
Tel : 03-7958 8081

**LAr: Dr. Badrulzaman bin Jaafar**  
Pengarah,  
Jabatan Landskap  
Tel: 03-7804 8907



## SESI TAKLIMAT PERDANA MENTERI BERSAMA PENJAWAT AWAM SELANGOR

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah meningkatkan lagi kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat setelah mengikuti taklimat Perdana Menteri bersama penjawat awam negeri Selangor pada 12 Jun 2023. Taklimat ini merupakan salah satu aspirasi YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar bin Ibrahim bagi melahirkan penjawat awam yang tidak terbelenggu dalam sebarang bentuk rasuah dan penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa dan amanah untuk kegunaan atau kepentingan diri sendiri.

Budaya sistem tadbir urus korporat yang cekap dan berintegriti tinggi telah meletakkan kecemerlangan pada kedudukan tinggi selari dengan visi dan misi Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Hal ini juga membolehkan MBPJ akan terus meraikan pelbagai kecemerlangan pada masa hadapan.



# PETALING JAYA CALON BANDAR PERTAMA MESRA KANAK-KANAK OLEH UNICEF

**Majlis Bandaraya Petaling Jaya** telah diiktiraf oleh UNICEF sebagai calon Bandar Pertama Mesra Kanak-Kanak di Malaysia pada 25 Jun 2022 di atas segala inisiatif dan tindakan dalam menyediakan peluang dan kemudahan yang mesra kepada kanak-kanak serta menjadi PBT pertama di Malaysia yang melibatkan golongan kanak-kanak dalam proses perancangan pembangunan melalui platform Ahli Majlis Kanak-Kanak.

Komitmen berterusan dan pencapaian cemerlang yang telah ditunjukkan oleh MBPJ dalam pelaksanaan inisiatif bandar mesra kanak-kanak telah melonjakkan nama MBPJ ke peringkat antarabangsa apabila Majlis telah dijemput untuk menghadiri dan membuat perkongsian pengalaman mengenai Pelaksanaan Inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya di “UNICEF East Asia - Europe CFCI Policy Dialogue” yang telah berlangsung pada 4 – 5 September 2023 bertempat di CaixaForum, Madrid, Sepanyol dan menyertai lawatan khas “UNICEF East Asia-Europe Child Friendly Cities Interregional Exchange”



bersama Rivas Vaciamadrid City Council dan Fuenlabrada City Council, Sepanyol serta Helsinki City Council, Oulu City Council, Hämeenlinna City Council dan Vantaa City Council di Finland pada 6 – 8 September 2023 bagi mempelajari amalan-amalan baik dan pengalaman CFCI daripada bandar-bandar di Eropah.

Selaras dengan aspirasi dan hala tuju Kerajaan Negeri Selangor dalam pelaksanaan Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2022-2025, MBPJ akan menjadi 5 bandar perintis dan model terbaik pembelajaran kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dan PBT di Malaysia dalam pelaksanaan inisiatif bandar mesra kanak-kanak.

Pemantauan dan penilaian pihak UNICEF terhadap pelaksanaan Pelan Tindakan Bandaraya Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya juga telah mengesahkan bahawa MBPJ layak untuk diberi penarafan sebagai Bandar Pertama Mesra Kanak-Kanak di Malaysia (Child Friendly Cities Initiatives) oleh UNICEF.



# WORLD CLEANUP DAY PETALING JAYA 2023

**16 SEPTEMBER 2023** - Pada 16 September 2023 telah berlangsung *World Cleanup Day* Petaling Jaya 2023 di enam kawasan zon Ahli Majlis yang menjadikan Kampung Sungai Kayu Ara sebagai lokasi utama program.



Zon-zon yang terlibat ialah Zon 1 (Desa Rimba Riang, Damansara Damai), Zon 2 (Kampung Sungai Kayu Ara), Zon 3 (Gugusan Dedap, Seksyen 11, Kota Damansara), Zon 4 (Alissia dan Atalia, Ara Damansara PJU 1A/1C), Zon 6 (SS24), Zon 7 (Jalan 5, Kampung Sungai Kayu Ara), Zon 15 (Seksyen 3) dan Zon 20 (SS3 dan SS 9A).



Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha (Pembangunan), Tuan Ir. Ismail Shafie. Turut hadir Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ, Tuan TPr. Zain Azly Abdul Rahman.

Seramai 478 orang sukarelawan mengambil bahagian membersihkan kawasan untuk meningkatkan tahap kebersihan dan telah berjaya mengumpul sebanyak 875 kilogram sisa.

Program ini turut disertai Ahli Dewan Negeri Kampung Tuanku, Yang Berhormat Puan Lim Yi Wei yang meluangkan masa untuk bersama-sama menjayakan program di SS 3 dan SS 9A.



# SESI TOWN HALL CADANGAN BAJET 2024

## MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

**21 SEPTEMBER 2023** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyediakan platform kepada penduduk Petaling Jaya untuk memberi cadangan dan maklum balas penyediaan belanjawan 2024 bagi membolehkan setiap maklum balas dianalisa, disesuaikan dan dijadikan sebagai panduan bagi perancangan agenda perkhidmatan, pembangunan dan pemulihian ekonomi.

Bajet 2024 MBPJ memberi keutamaan kepada penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur berkualiti kepada penduduk serta program bagi menjana ekonomi kepada golongan berpendapatan rendah.

Asas penyediaan bajet 2024 ini juga adalah selaras dengan fokus bajet oleh Kerajaan Negeri Selangor yang memberikan fokus kepada 4 perkara utama iaitu *Go Physical, Go Digital, People Centric* dan Pembugaran Ekonomi.

MBPJ juga telah membuka ruang kepada penduduk untuk memberikan cadangan secara dalam talian bermula 17 Julai 2023 sehingga 4 Ogos 2023 yang lalu. Dalam tempoh tersebut, Majlis telah memperolehi sejumlah 35 responden berserta 133 cadangan.



# FUN WALK - WALK TOGETHER MOVE BETTER SEMPENA HARI FISIOTERAPI SEDUNIA 2023

**10 SEPTEMBER 2023** - Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran MBPJ dan KMI Kelana Jaya Medical Centre telah menganjurkan program *Fun Walk Together Move Better* sempena Hari Fisioterapi Sedunia 2023 yang diadakan di Taman Tasik Bandaran, Kelana Jaya.

Program ini merupakan program kesihatan untuk memberi kesedaran kepada para peserta berkenaan dengan penjagaan kesihatan dan fisioterapi.

Aktiviti berjalan sejauh 1.5km yang bersamaan dengan 1,998 langkah ini telah dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MBPJ, Tuan Mohd Fauzi Maarop dan turut dihadiri Ahli Majlis Zon 24, En. Ridzuan Ahmad. Pelbagai acara sampingan turut berlangsung antaranya saringan kesihatan, runding cara kesihatan, pameran, cabutan bertuah dan sebagainya.



# PEMBAHARUAN LESEN USAHAWAN MIKRO DAN LESEN TRED TAHUN 2024

Pada tahun 2023 terdapat sebanyak 34,430 pemegang lesen yang telah berdaftar di Petaling Jaya. Sebanyak 29,064 bagi pemegang lesen tred perniagaan dan sebanyak 5,276 bagi pemegang lesen usahawan mikro. Merujuk kepada bilangan pemegang lesen tersebut, terdapat sebanyak 50,000 bilangan aktiviti di Petaling Jaya. Jumlah hasil kutipan bagi tahun 2023 (sehingga 25 September 2023) adalah sebanyak RM 15,442,359.30, dengan peningkatan sebanyak RM 1,027,954.00 berbanding bulan semasa tahun 2022.

Majlis telah mengeluarkan notis pembaharuan lesen tahun 2024 bagi Lesen Usahawan Mikro dan Lesen Tred, Perniagaan dan Perindustrian pada September 2023. Sekiranya orang awam masih belum lagi menerima notis tersebut, mereka boleh melayari pautan [www.elesen.mbpj.gov.my](http://www.elesen.mbpj.gov.my) untuk membuat semakan.

Pengusaha-pengusaha sama ada bagi pemegang lesen Usahawan Mikro, Lesen Tred, Perniagaan dan Perindustrian, lesen Pusat Hiburan, Lesen *Establishment* Makanan dan lain-lain boleh mula untuk memperbaharui lesen tahun 2024 bermula pada 1 Oktober 2023 secara dalam talian di pautan [www.elesen.mbpj.gov.my](http://www.elesen.mbpj.gov.my) atau menggunakan kemudahan yang lain seperti kemudahan kaunter luar. Majlis telah menyediakan sebanyak 21 kaunter luar bagi memudahkan orang ramai memperbaharui lesen tanpa perlu bersesak di Ibu Pejabat Majlis atau di Menara MBPJ.

Majlis turut memperkenalkan cetakan lesen menggunakan kios Majlis dan juga penggunaan aplikasi Sistem eLesen. Lokasi bagi kios MBPJ adalah terletak di Kaunter Lobi Ibu Pejabat, Kios Menara, Kios Pasar PJKita @Sri Damansara, Kios Pasar Jalan Othman, Kios Pasar Taman Megah dan Kios The Spine @PJKit, Kelana Jaya. Kemudahan kios antara lain adalah boleh mencetak lesen Tred, Perniagaan dan Perindustrian dan Permit Sementara Tred.

Manakala, bagi aplikasi Sistem eLesen pula, orang ramai boleh mula menggunakan perkhidmatan tersebut mulai Disember 2024. Perkhidmatan ini masih di dalam pembangunan yang membolehkan orang awam membuat permohonan lesen, semakan status, pembatalan lesen dan juga cetakan lesen bagi Lesen Tred, Perniagaan dan Perindustrian dan Lesen Usahawan Mikro.

Majlis memberi peringatan mesra kepada semua pemegang lesen perniagaan di Petaling Jaya untuk memperbaharui lesen tahun 2024 mulai Oktober 2023 sehingga 31 Disember 2023. Sekiranya lewat untuk memperbaharui lesen tahun 2024, denda lewat akan dikenakan sebanyak RM 50.00 kepada pemegang lesen Tred, Perniagaan dan Perindustrian mulai 1 Januari 2024 sehingga 31 Mac 2024. Selepas 1 April 2024 sehingga 30 Jun 2024, denda lewat sebanyak RM 300.00 akan dikenakan.

# 1ST ASIA PACIFIC YOUTH FOLKLORE FESTIVAL 2023

## “FESTIVAL PENUH BERWARNA-WARNI”

Sebanyak 12 negara termasuk Malaysia telah mengambil bahagian dengan penampilan 22 kumpulan kebudayaan yang mempersembahkan kebudayaan negara masing-masing.



**21-26 September** – Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan kerjasama International Council of Organizations of Folklore Festival and Folk Arts (CIOFF) Malaysia buat julung-julung kalinya diberi kepercayaan menjadi tuan rumah bagi penganjuran *1 st Asia Pacific Youth Folklore Festival 2023* yang berlangsung dengan penuh warna-warni di Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya yang juga merupakan Kota Seni Petaling Jaya.

Festival kali ini bertemakan Menghayati Budaya & Warisan dipilih sesuai dengan hasrat MBPJ memupuk rasa saling memahami kepelbagai budaya, seni dan warisan terhadap masyarakat global. Sebanyak 12 negara termasuk Malaysia telah menyertai festival ini dan menampilkan 22 kumpulan kebudayaan negara masing-masing.

Negara tersebut adalah China, India, Sri Lanka, Iran, Indonesia, Lithuania, Filipina, Singapura, Jepun, Sri Lanka, Thailand dan Timor Leste.

Kumpulan kebudayaan antarabangsa ini memulakan persembahan *pocket show* di sekolah-sekolah di Petaling Jaya untuk memberi pendedahan berkenaan kebudayaan antarabangsa kepada pelajar sekolah-sekolah terpilih iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Damansara Damai 1, Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 8, Kota Damansara, Sekolah Menengah Kebangsaan Damansara Jaya, Sekolah Menengah (P) Sri Aman dan Sekolah Menengah Kebangsaan Lembah Subang.

Sepanjang festival ini berlangsung pelbagai acara menarik turut diketengahkan antaranya Pertandingan PJ Best Tari, pameran dan demonstrasi produk kraftangan, masakan tradisional dan sebagainya. Sokongan dan komitmen pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta, institusi pengajian tinggi awam dan swasta turut menyumbang kejayaan festival ini. Di majlis yang sama juga telah berlangsung Seminar Kerjaya Seni yang dihadiri seramai 1,000 orang remaja yang bersama-sama berkongsi pelbagai topik kesenian, budaya dan warisan sekali gus memberi pendedahan berkaitan kerjaya seni pada masa akan datang.





Turut berlangsung Seminar *Mayor and City Managers* yang memberi ruang kepada pengurusan tertinggi PBT Selangor untuk membincangkan berkaitan pembangunan fizikal, ekonomi sosial dan alam sekitar perbandaran ke arah mencapai *Sustainable Development Goals* dan *New Urban Agenda*.



# MAJLIS PERASMIAN 1ST ASIA PACIFIC YOUTH FOLKLORE FESTIVAL 2023

**23 SEPTEMBER 2023** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan kerjasama International Council of Organizations of Folklore Festival and Folk Arts (CIOFF) Malaysia, telah diberikan kepercayaan mewakili negara Malaysia untuk menjadi tuan rumah bagi penganjuran festival kesenian rakyat yang berprestij daripada tahun-tahun sebelum ini.

Ini kerana ia merupakan salah satu program peringkat Asia Pasifik atau dikenali sebagai *1st Asia Pacific Youth Folklore Festival*. Terdapat sebanyak 11 negara luar yang telah menyertai festival ini antaranya ialah China, India, Indonesia, Iran, Jepun, Lithuania, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Thailand dan Timor-Leste.

Festival ini merupakan salah satu usaha MBPJ sebagai sebuah Kota Seni, bagi mempromosikan Petaling Jaya dan Negeri Selangor sekali gus menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan domestik dan antarabangsa. Selaras dengan Pelan Strategik Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan 2030 (PJSSR 2030), ini juga merupakan usaha menjadikan bandar raya Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang inklusif dari aspek pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial dengan melaksanakan pelbagai inisiatif dan program termasuk yang berkaitan dengan pelancongan, seni dan budaya.



Di samping meningkatkan sektor pelancongan, MBPJ turut menganjurkan Seminar Kerjaya Seni yang telah dihadiri oleh seramai 1,000 orang pelajar dari 27 buah sekolah menengah di Petaling Jaya bersempena dengan penganjuran festival ini. Justeru, festival ini turut memfokuskan kepada penglibatan dalam industri kesenian dan kebudayaan dalam kalangan anak-anak muda. Ini kerana generasi muda merupakan aset yang paling penting di negara dalam menerajui dan memimpin negara padai masa hadapan. Oleh itu, dengan adanya festival ini, ia dapat menerapkan kepentingan seni kebudayaan dalam jiwa anak-anak muda.

Majlis perasmian festival ini telah berlangsung dengan penuh warna-warni pada 23 September 2023 bertempat di Auditorium Dewan Sivik MBPJ. Majlis ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Puan Anfaal binti Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat, Negeri Selangor.





# 1ST ASIA PACIFIC YOUTH FOLKLORE FESTIVAL 2023

## MELABUHKAN TIRAI

**24 SEPTEMBER 2023** - 1st Asia Pacific Youth Folklore Festival 2023 yang bermula sejak 21 September 2023 yang lalu, kini telah melabuhkan tirainya di Majlis Penutup yang berlangsung di Laman MBPJ.

Majlis penutup 1st Asia Pacific Youth Folklore Festival 2023 dengan tema Ceritera Rakyat dibuka dengan perarakan masuk aksi menarik penunggang kuda dari pasukan PDRM disusuli dengan perarakan masuk wakil kontinjen daripada 12 negara, termasuk Malaysia. Menariknya kali ini, kesemua wakil kontinjen telah mengibarkan bendera dan peragakan pakaian tradisional negara masing-masing.

Majlis Penutup telah dihadiri oleh EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat, Yang Berhormat Puan Anfaal binti Saari, mewakili Negeri Selangor, turut merakamkan tahniah dan berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang festival ini. Beliau juga menjemput delegasi yang mewakili negara mereka untuk berkunjung semula ke Malaysia, khususnya Negeri Selangor dan menjadikan destinasi pelancongan pada masa akan datang. Beliau berharap agar usaha-usaha untuk menggiatkan lagi industri pelancongan negeri dapat diteruskan.

Majlis telah dihangatkan lagi dengan persembahan tarian istimewa iaitu "Journey of Panca Seni" oleh Artis Budaya MBPJ dan diteruskan dengan persembahan kebudayaan dari negara-negara yang menyertai iaitu Jepun, Iran, Singapura, India, China, Thailand, Indonesia, Filipina, Sri Lanka, Timor Leste, Lithuania dan Malaysia.

Acara kemuncak yang ditunggu-tunggu oleh para penonton adalah persembahan artis-artis terkenal tanah air seperti Fredo, Dato' Hattan, Ziana Zain, Dato' Awie, dan Ella. Malam Penutup melabuhkan tirainya dengan pertunjukan bunga api yang penuh warna-warni.





# MALAM APRESIASI 1ST ASIA PACIFIC YOUTH FOLKLORE FESTIVAL – RAIKAN PESERTA DAN PETUGAS

**25 SEPTEMBER 2023** – Majlis meraikan petugas dan peserta *1st Asia Pacific Youth Folklore Festival 2023* telah berlangsung dengan penuh keceriaan dan meriah di Dewan Banquet MBPJ. Seramai 500 jemputan telah hadir ke majlis makan malam ini.

Membuka tirai dan pentas pada malam tersebut dengan persembahan kumpulan artis budaya MBPJ.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Mohamad Azhan bin Md Amir mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua peserta dan petugas kerana telah sama-sama memberikan komitmen dan bersama-sama memeriahkan festival ini.

Festival ini memberi peluang kepada semua yang terlibat mengeratkan hubungan dan mempelajari adat budaya masing-masing.

Di majlis yang sama juga, MBPJ turut menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang diwakili Yang Dipertua, Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd melalui program Bandar

Persahabatan “Friendship City” yang melibatkan perkongsian idea, pengalaman, amalan baik dan kerjasama di antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia.

Majlis Apresiasi turut dimeriahkan lagi dengan persembahan artis jemputan Bob Sentuhan yang mempersembahkan lagu dari pelbagai negara antaranya Indonesia, China, India dan lain-lain. Mengakhiri malam apresiasi ini ialah penyampaian penghargaan kepada rakan-rakan strategik yang banyak membantu menjayakan festival ini, di samping pertukaran cenderahati oleh semua wakil negara berupa identiti negara masing-masing kepada Datuk Bandar Petaling Jaya.







## KEJOHANAN SUKAN MESRA INDUSTRI PIALA DATUK BANDAR

### KOMPLEKS ARENA PETALING JAYA, 27 OGOS 2023 -

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Kejohanan Sukan Mesra Industri Piala Datuk Bandar sempena Hari Kebangsaan yang ke-66 yang telah dirasmikan oleh Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Aznan Haji Hassan. Program ini diadakan untuk mengeratkan silaturahim atau perhubungan antara MBPJ bersama-sama warga perkerja di pelbagai sektor pekerjaan seperti sektor perindustrian, perhotelan dan komersial. Pada masa yang sama, program ini juga bertujuan untuk menggalakkan perkerja mengamalkan cara hidup yang sihat dan cergas. Pelbagai aktiviti sukan yang telah dipertandingkan dalam kejohanan ini seperti Futsal, Bola Jaring, Badminton, Sepak Takraw dan Ping Pong.

## KEPUTUSAN PENUH KEJOHANAN SUKAN MESRA INDUSTRI PIALA DATUK BANDAR

|                         |                                                                                                                                                                                                                                              |
|-------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>PING PONG SOLO</b>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>JOHAN</b> : Steam &amp; Condensate</li> <li>• <b>NAIB JOHAN</b> : Swasta Setia Holding</li> <li>• <b>KETIGA</b> : PKNS</li> </ul>                                                                |
| <b>PING PONG DOUBLE</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>JOHAN</b> : Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerja UM</li> <li>• <b>NAIB JOHAN</b> : MPOB</li> <li>• <b>KETIGA</b> : Swasta Setia Holding</li> </ul>                                            |
| <b>BADMINTON BEREGU</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>JOHAN</b> : Metra Hydraulic</li> <li>• <b>NAIB JOHAN</b> : DKSH (M) Sdn. Bhd.</li> <li>• <b>KETIGA</b> : MCG LIVERSAVER Sdn. Bhd.</li> </ul>                                                     |
| <b>BOLA JARING</b>      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>JOHAN</b> : Success Electronic &amp; Transformer Manufacturing Sdn. Bhd.</li> <li>• <b>NAIB JOHAN</b> : Eventech Solution Sdn. Bhd.</li> <li>• <b>KETIGA</b> : Tenaga Nasional Berhad</li> </ul> |
| <b>FUTSAL</b>           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>JOHAN</b> : One World Hotel</li> <li>• <b>NAIB JOHAN</b> : Ahmad Zaidi &amp; Partner</li> <li>• <b>KETIGA</b> : Eventech Solution Sdn. Bhd.</li> </ul>                                           |
| <b>TAKRAW</b>           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>JOHAN</b> : Wingli Hardware Engineering Sdn. Bhd.</li> <li>• <b>NAIB JOHAN</b> : Tenaga Switchgear Sdn. Bhd.</li> <li>• <b>KETIGA</b> : Wingli Hardware Engineering Sdn. Bhd.</li> </ul>         |

## MBPJ NAIB JUARA SUKANUN KE-12



**3 – 10 SEPTEMBER 2023, UiTM, ARAU PERLIS** - Kontinjen Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah muncul naib juara keseluruhan karnival sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) 2023 di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perlis. MBPJ telah berjaya mengumpul pungutan mata keseluruhan sebanyak 149 mata, ketinggalan 6 mata di belakang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang muncul juara. Pasukan lumba basikal criterium, boling lelaki dan wanita, bola jaring, badminton, hoki lelaki dan futsal lelaki telah muncul juara acara masing-masing manakala pasukan bola tampar wanita, sepak takraw, futsal wanita dan tenis muncul naib juara. Pasukan bola tampar lelaki dan karom turut tidak mengecewakan apabila meraih tempat ketiga. SUKANUN ke-12 ini telah menampilkan aksi seramai lebih 5 ribu atlet daripada 59 kontinjen dari seluruh negeri.

## PROGRAM KONVOI MOTOSIKAL PROMOSI 1ST ASIA PACIFIC YOUTH FOLKLORE FESTIVAL 2023

**13-15 SEPTEMBER 2023** - Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Aznan Hj. Hassan telah melepaskan konvoi motosikal bagi mempromosikan penganjuran *1st Asia Pacific Youth Folklore Festival 2023* ke Pihak Berkuasa Tempatan di Pantai Timur Semenanjung. Seramai 40 orang kakitangan telah menyertai konvoi ini. Konvoi ini telah melalui beberapa Majlis Perbandaran antaranya ialah Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis Bandaraya Kuantan, Majlis Perbandaran Dungun dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu sambil mengedarkan bahan promosi.



## KUNJUNGAN HORMAT DATUK BANDAR MIYOSHI, JEPUN



**22 SEPTEMBER 2023** - Datuk Bandar Miyoshi, Hayashi Isao bersama-sama delegasi telah melakukan kunjungan hormat ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya bertemu rakan sejawat, Datuk Bandar Petaling Jaya. Tuan Mohamad Azhan Md. Amir sempena penganjuran *1st Asia Pacific Youth Folklore Festival*. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan kedua-dua bandar raya yang sedia terjalin semenjak tahun 2012. Beliau berada di Petaling Jaya untuk memeriahkan lagi festival ini dan turut menghantar kumpulan kebudayaan untuk membuat persembahan.



## MBPJ RANGKUL ANUGERAH PERSEMBAHAN TERBAIK KL GENTA 2023



**DATARAN MERDEKA, 16 SEPTEMBER 2023** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah merangkul Anugerah Persembahan Terbaik Festival Gendang dan Tari Kuala Lumpur (KL Genta 2023) yang telah dirasmikan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sr. Hj Kamarulzaman Mat Salleh. Di majlis yang gemilang ini, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Aznan Hj. Hassan hadir menerima anugerah tersebut yang sekali gus mengiktiraf status pasukan kebudayaan MBPJ. Festival KL Genta 2023 merupakan penganjuran kali yang ke-7 bermula pada tahun 2014. Festival ini berkonsepkan persembahan kesenian pergendangan dan tarian tradisi yang mempamerkan keunikan muzik pergendangan, budaya, busana, kostum serta seni warisan dari setiap negeri yang menyertai festival.

## LAWATAN PERBADANAN PUTRAJAYA

**12 SEPTEMBER 2023** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menerima kunjungan lawatan dari Perbadanan Putrajaya bagi tujuan penanda aras inovasi. Delegasi ini diketuai oleh Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Tuan Amran Ashaari. Tujuan lawatan ini untuk berkongsi maklumat berkaitan projek inovasi MBPJ dan usaha yang dilaksanakan bagi membudayakan inovasi dalam kalangan warga kerja. Semasa lawatan ini, tiga kumpulan inovasi MBPJ telah dijemput untuk berkongsi projek inovasi yang telah dihasilkan. Projek ini yang dibentangkan ialah *PJ Sustainable Community Award*, *Smart Air Gutter* dan *Kios Ilmu*. Seterusnya, delegasi kemudian datang melawat *PJ Smart Centre* untuk melihat projek *Smart Air Gutter* dan *Dashboard* yang terdapat di *PJ Smart Centre*. Pada akhir sesi lawatan, Pengarah Komunikasi Korporat, Puan Hjh. Haniza Abdul Hamid, turut bertukar cenderahati sebagai tanda penghargaan antara Perbadanan Putrajaya dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.



## LAWATAN DARI KEDUTAAN AMERIKA SYARIKAT

**9 SEPTEMBER 2023** - *PJ Learning City* telah menerima kunjungan dari Kedutaan Amerika Syarikat untuk mempelajari inisiatif yang telah dilaksanakan Petaling Jaya sejak diiktiraf oleh UNESCO sebagai bandar pembelajaran pada tahun 2019. Tuan Ts. Samsul Bahari Nonchi, Ketua Sekretariat *PJ Learning City* telah berkongsi pengalaman pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan di Petaling Jaya. Mr. Donald J. Tracy dan Ms. Jasmine Ong merupakan jemputan dari kedutaan Amerika Syarikat telah berkongsi inisiatif yang dilaksanakan di Austin Community College. Kedua-dua jemputan juga dibawa ke pusat jualan buku yang sedang berlangsung. Turut hadir, Puan Rahibah Che Omar, Ahli Majlis Zon 22, Puan Hjh. Haniza Abdul Hamid, Pengarah Komunikasi Korporat dan Sekretariat *PJ Learning City*.

## **EKSPO BUKU PETALING JAYA "SIGNATURE EVENT" PJ LEARNING CITY**

**DEWAN BANQUET MBPJ, 11 SEPTEMBER 2023** - Ekspo Buku Petaling Jaya (PJBX) ini merupakan salah satu ‘Signature Event’ PJ Learning City yang dianjurkan setiap tahun sejak 2019 . PJBX merupakan anjuran bersama Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) yang sentiasa bersama-sama Majlis bagi penganjuran PJBX ini. PJBX telah berlangsung dari 9 hingga 17 September dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk Petaling Jaya. Dianggarkan seramai 7,000 orang pengunjung telah hadir untuk bersama-sama mendapatkan koleksi buku ilmiah, novel, buku kanak-kanak, buku ulangkaji dan sebagainya. Di majlis yang sama turut diadakan penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Bicara Buku yang telah disertai oleh 40 orang pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Aznan Hj. Hassan dan turut hadir Tuan Sheikh Faisal Sheikh Mansor, Presiden MABOPA dan Puan Ermeemariana Saadon iaitu Ahli Majlis Zon 15 MBPJ.



### **MAJLIS MAKAN MALAM @ MALAM BACA PUSSI PENA**

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA** - Malam Baca Puisi merupakan salah satu inisiatif MBPJ untuk merancakkan lagi Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya sebagai salah satu Pusat Kota Seni yang telah mula diperkenalkan sejak 2015. Malam baca puisi ini telah dideklarasikan oleh pemuisi yang tersohor dan sangat dikagumi. Antaranya adalah Presiden Pena iaitu Dr. Salleh Rahamad, Pyanhabib, Datuk Dr. Lim Swee Tin, Datuk Zurinah Hassan, Siso Korpratas dan lain-lain lagi. Persembahan ditutup dengan nyanyian lagu Gurindam Jiwa dan Lemak Manis oleh Roslan Madun. Majlis telah diserikan lagi dengan kehadiran Tuan Mohamad Azhan Md. Amir, Datuk Bandar Petaling Jaya, Dr. Salleh Rahamad, Presiden PENA, Tuan Sheikh Faisal Sheikh Mansor, Presiden MABOPA, Tuan Ir. Ismail Shafie, Timbalan Setiausaha (Pembangunan), Tuan Ts Samsul Bahari Nonchi, Ketua Program PJLC dan lain-lain Rakan Strategik PJ Learning City.



## KEMPEN TEMBAK GAGAK

**26 OGOS 2023** - Sebanyak 2,000 burung gagak telah berjaya ditembak dalam operasi Tembak Gagak Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Mohamad Azhan Md. Amir menyatakan bahawa operasi ini bertujuan untuk mengurangkan populasi burung gagak yang sering membawa masalah kesihatan dan mengotorkan premis perniagaan serta harta benda di persekitaran bandar raya ini. Seramai 35 orang penembak telah mengambil bahagian untuk memburu gagak di 19 lokasi *hotspot* sekitar Petaling Jaya yang telah dikenal pasti. MBPJ juga telah menyediakan ganjaran sebanyak RM 6.00 bagi setiap ekor burung gagak yang berjaya ditembak dengan keseluruhan RM 12,500.00 sebagai hadiah saguhati kepada penembak.

## PDRM & PLANMALAYSIA MELAWAT PROJEK PJ SMART CITY

**14 SEPTEMBER 2023** - Jabatan Pencegahan Jenayah & Keselamatan Komuniti, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan PLANMalaysia telah mengadakan lawatan sambil belajar ke PJ Smart Centre MBPJ. Delegasi ini terdiri daripada pegawai polis dari Bukit Aman, Ibu Pejabat Polis Kontinjen dan Ibu Pejabat Polis Daerah seluruh Malaysia serta pegawai dari PLANMalaysia. Lawatan ini bertujuan berkongsi pengetahuan projek PJ Smart Centre dan Pembangunan Smart Safe City-PJ Dashboard dalam membantu perancangan dan pelaksanaan program bandar selamat di Petaling Jaya.





## PROGRAM KEMAKMURAN HARI KEMERDEKAAN KE-66

**PETALING JAYA, 30 OGOS 2023** - Ahli Majlis Zon 15, Puan Ermeemarianna Saadon telah menganjurkan program "Kemakmuran Hari Kemerdekaan Ke-66 Tahun" di kabin kawasan Rukun Tetangga 3 Petaling Jaya. Seramai 150 orang yang hadir bagi memeriahkan lagi acara untuk menghayati erti kemerdekaan yang sebenar.



## PROGRAM SEMARAK MERDEKA DAN EDARAN JALUR GEMILANG

**PJS 1/24, 30 OGOS 2023** - Ahli Majlis Zon 17, Puan Norah Mansor dan pemimpin masyarakat kawasan Petaling Jaya telah mengedarkan bendera jalur gemilang kepada penduduk di kawasan Petaling Utama. Aktiviti ini adalah untuk menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan dan memupuk semangat patriotik dalam jiwa masyarakat.



## KOMUNITI BERSAMA POLIS DIRAJA MALAYSIA

**PETALING UTAMA, 16 SEPTEMBER 2023** - Ahli Majlis Zon 17 dan Persatuan Kebajikan Penduduk Petaling Perdana telah menganjurkan program Hari Malaysia "Komuniti Bersama Polis Diraja Malaysia". Program ini untuk menjalankan hubungan yang lebih erat antara penduduk dengan PDRM bagi memudahkan penyaluran segala informasi penting kepada komuniti.



## PERTANDINGAN BOLING SEMPENA HARI KEMERDEKAAN

**SUBANG JAYA, 26 OGOS 2023** - Sebanyak 8 pasukan telah mengambil bahagian dalam pertandingan boling kanak-kanak sempena Hari Kemerdekaan anjuran Ahli Majlis Zon 21, Puan Rozazitah Ahmad di Sunway Pyramid Mega Lanes. Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Mohamad Azhan Md. Amir dan Ahli Dewan Negeri Seri Setia, YB Tuan Dr. Fahmi Ngah telah hadir merasmikan pertandingan.



## EDARAN BENDERA JALUR GEMILANG

**24 OGOS 2023** - Ahli Majlis Zon 22, Puan Rahibah Che Omar disertai Ahli Dewan Negeri Seri Setia, YB Tuan Dr. Fahmi Ngah dan barisan Majlis Perwakilan Penduduk Zon 22 telah mengedarkan bendera jalur gemilang ke kawasan perumahan sekitar Zon 22. Aktiviti ini juga untuk memperkenalkan Ahli Dewan Negeri Seri Setia yang baru kepada masyarakat setempat.



## LATIHAN ANJING PELIHARAAN CANINE SPORTZCLUB

**PETALING JAYA, 10 SEPTEMBER 2023** - Ahli Majlis Zon 22, Puan Rahibah Che Omar hadir memenuhi jemputan daripada Canine Sportzclub meraikan anjing-anjing peliharaan yang tamat latihan di pusat latihan ini. Canine Sportzclub melatih anjing secara profesional supaya lebih berdisiplin di samping mendidik pemilik supaya lebih bertanggungjawab terhadap haiwan peliharaan.



## EXPLORACE HERO ALAM 2023

**PETALING JAYA, 31 OGOS 2023** - Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Aznan Hj. Hassan telah merasmikan Explorace Hero Alam 2023 Zon 22 di Taman Tasik PJKita @ Kelana Jaya. Explorace ini telah dikendalikan oleh para pensyarah dan pelajar dari Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Selangor (UNISEL). Para pemenang telah menerima hadiah wang tunai dan pelbagai hadiah yang menarik.



**PERIKSA RUMAH DAN PERSEKITARAN  
SEKURANG-KURANGNYA SEMINGGU SEKALI  
UNTUK MEMASTIKAN TIADA PEMBIAKAN NYAMUK  
AEDES**

# WABAK DENGGI

Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada minggu ke 37/2023 adalah sejumlah 105 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 3,825 kes yang dilaporkan. Keadaan ini telah meningkat kepada 13 peratus daripada jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu hanya 92 kes sahaja. Manakala bagi jumlah Lokaliti Wabak adalah sejumlah 45 lokaliti, 4 Wabak Baru dilaporkan, 1 lokaliti Wabak Tak Terkawal dilaporkan dan 10 lokaliti wabak *Hotspot* direkodkan. Alhamdulillah, tiada kes kematian baru yang dilaporkan.

## AWASI Demam Denggi

### Tindakan mencegah Demam Denggi

Jika anda berada di kawasan wabak denggi:

- Lindungi diri dari gigitan nyamuk
- Sembur aerosol
- Gunakan repelan
- Pakai baju lengan panjang dan seluar panjang berwarna cerah
- Elakkan berada di luar rumah pada waktu puncak gigitan nyamuk iaitu awal pagi dan senja

Jika anda datang dari tempat berisiko denggi:

Dapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan sekiranya mengalami gejala jangkitan demam denggi

Bekas-bekas yang menakung air hendaklah dicuci dan dibuang airnya atau ditutup kemas.

Masukkan bahan pembunuhan jentik-jentik ke dalam kolah atau takungan air



Diterbitkan oleh:  
**Bahagian Pendidikan Kesihatan**  
Kementerian Kesihatan Malaysia

